

# UMS tukar nama sekolah kepada fakulti

UB 7.5.2014 B4

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**B**ERKUATKUASA pada 1 Jun depan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menukar penggunaan nama sekolah kepada fakulti.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, penukaran itu bagi mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak khususnya ibu bapa dan masyarakat terhadap penggunaan nama sekolah.

Ini kerana jelasnya, istilah sekolah selalu dianggap sebagai tahap pengajian yang lebih rendah berbanding peringkat universiti.

Pada masa sama katanya, penggunaan sistem fakulti sudah biasa digunakan oleh masyarakat umum di negara ini.

“Pelaksanaan penukaran ini melibatkan penstrukturkan 13 buah sekolah sedia ada kepada 10 buah fakulti.

Kementerian Pelajaran meluluskan permohonan penukaran ini pada 31 Mac lepas selepas beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dijalankan sejak Ogos 2013.

“Bermula kelulusan senat pada 26 September 2013 seterusnya oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 16 Januari lepas hingga kelulusan pihak kementerian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pengisytiharan Fakulti UMS dan Penyampaian Watikah Pelantikan Dekan Fakulti Baharu di Kota Kinabalu kelmarin.

Harun berkata, usaha yang dilaksanakan itu dapat mempermekaskan urus tadbir dan penstrukturkan semula pertindihan bidang.

Menurutnya, ia juga dijangka mampu menjimatkan kos dengan pengurangan jumlah fakulti serta memudahkan sebarang penambahbaikan dari semasa ke semasa.

“Transformasi ini wajar dilaksanakan kerana institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia berdepan dengan cabaran-cabaran semasa dan akan datang.

“Ia termasuklah globalisasi pendidikan tinggi,

**“Pelaksanaan penukaran ini melibatkan penstrukturkan 13 buah sekolah sedia ada kepada 10 buah fakulti.**

**Kementerian Pelajaran meluluskan permohonan penukaran ini pada 31 Mac lepas selepas beberapa siri perbincangan dan mesyuarat dijalankan sejak Ogos 2013.”**

## PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH

Naib Canselor UMS

pengantarabangsaan pendidikan tinggi, isu kebolehpasaran graduan, jangkaan tinggi oleh pemegang taruh, serta pengurangan peruntukan pusat,” katanya.

Sebanyak tiga fakulti baharu melibatkan gabungan dua buah sekolah termasuklah Fakulti Sains dan Sumber Alam iaitu gabungan Sekolah Sains dan Teknologi (SST) dan Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa (SPTA).

Selain itu, Fakulti Kemanusiaan,



**HARUN (empat kiri) menyampaikan watikah perlantikan kepada Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof Madya Dr Rosalam Sabartly (tiga kanan) pada majlis itu.**

bidang teknologi maklumat dimasukkan ke dalam Fakulti Komputeran dan Informatik yang asalnya Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Fakulti Pertanian Lestari asalnya adalah Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan ditukarkan dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) manakala Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan ditukarkan dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE).

Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) ditukarkan kepada Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Perubatan (SPU) menjadi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Harun berkata, pengambilan pelajar sesi akan datang tidak akan terganggu dengan penukaran itu

memandangkan sistem urus tadbir tetap kekal seperti biasa.

Beliau turut menjelaskan, tahun ini bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar ke UMS meningkat hampir 10 peratus.

Katanya, pelajar dari negara China masih mempunyai jumlah paling ramai walaupun selepas berlakunya insiden kehilangan pesawat MH370 dan penculikan pelajar China di Semporna.

“Kita bertuah kerana kejadian terbabit tidak memberikan kesan terhadap jumlah pendaftaran pelajar dari negara China.

“Kita ada ejen di China dan kursus intensif yang ditawarkan kepada pelajar negara itu selama enam bulan sebelum ini dipendekkan kepada empat bulan.

“Ini menjadikan pengambilan pelajar dijalankan sebanyak tiga kali iaitu pada Januari, Mei dan September tahun ini,” jelasnya.



**PARA tetamu jemputan bergambar bersama dekan fakulti baharu yang menerima watikah perlantikan.**